



TVET di UCAM lahirkan petani moden

Oleh **Mohd Amin Jalil** - Julai 11, 2023 @ 4:08pm
bhnews@bh.com.my

NILAI: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah berhasrat terus memperkasa bidang agro makanan melalui penggunaan teknologi terkini, bagi memastikan keselamatan makanan negara terjamin.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang, berkata Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) menawarkan 10 program baharu dalam usaha membantu ke arah pertanian moden.

"Sambutan kalangan generasi muda terhadap bidang pertanian ini belum begitu membanggakan kerana faktor tiga D iaitu kotor, berbahaya dan sukar.

"Namun, kita cuba menarik perhatian kepada pelajar dan graduan UCAM mengenai peluang dalam bidang agrosains yang terbuka luas dengan harapan dapat mendorong mereka membabitkan diri dalam bidang pertanian moden.

"Kita yakin melalui Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dalam bidang pertanian dan agromakanan yang sedang diketengahkan di UCAM, akan dapat merintis ke arah memantapkan lagi keselamatan makanan negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Konvokesyen UCAM Kali Ke-20, di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini, hari ini.

Seramai 300 graduan menerima sijil, diploma dan ijazah pada majlis berkenaan.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah RISDA, Datuk Abdullah Zainal dan Ketua Pegawai Eksekutif UCAM, Faizatul Akmar Datuk Hisan.

Rubiah berkata bidang pertanian memerlukan kepakaran teknikal dan penggunaan teknologi moden seperti dron.

"UCAM menyediakan program akademik pendidikan tinggi di peringkat ijazah sarjana muda dan diploma dalam bidang agrosains dan agroprenuer, bagi melengkapkan mereka dengan ilmu serta kemahiran diperlukan," katanya.

Beliau berkata, UCAM turut menawarkan beberapa insentif melalui Yayasan RISDA antaranya Skim Insentif Pelajar secara sekali beri RM500.

"Selain itu, biasiswa RM6,800 hingga RM13,800, bantuan komputer riba, bantuan sara hidup RM15 sehari atau RM450 sebulan dan Anugerah Yayasan RISDA RM2,000," katanya.

Dalam ucapannya, Rubiah berkata, setakat akhir tahun lalu, UCAM melahirkan 5,268 graduan dalam bidang agrosains dan agroprenuer.

Menurutnya, UCAM juga melatih 500 usahawan bimbingan RISDA dan 150 usahawan bagi mendapatkan pensijilan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Seramai 15,000 orang wanita dipilih dalam program rentas pertama TVET Khas Wanita yang dibuat dengan kerjasama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM)," katanya.



Rubiah (kanan) menyampaikan Anugerah Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Graduan Terbaik Keseluruhan kepada Mohd Shah Shafiq Hamran (dua dari kiri) yang ditemani ibu bapanya pada Majlis Konvokesyen UCAM, di Nilai. - Foto BH/AZRUL EDHAM